BELANJAWAN 2027 PERLU UKUR KEPENTINGAN ISI RUMAH

BUAL BICARA



Oleh
Paul Anthony Maria Das

PERNYATAAN Pra-Belanjawan 2027 mengenal pasti banyak keutamaan yang tepat, daripada usaha mengurangkan tekanan kos sara hidup kepada penyediaan pekerjaan yang lebih baik serta membina ekonomi yang lebih produktif dan inovatif.

Cabaran kini adalah memastikan pelaksanaannya. Malaysia telah mencapai kemajuan dalam memperkukuh pertumbuhan ekonomi, menarik pelaburan dan mengukuhkan kedudukan fiskal. Bagaimanapun, petunjuk utama ekonomi hanya memberikan gambaran yang terhad jika pertumbuhan gaji tidak seiring dengan peningkatan perbelanjaan atau isi rumah tidak menikmati peluang pekerjaan dan perkhidmatan awam yang lebih baik.

Justeru, Belanjawan 2027 perlu dinilai bukan sahaja berdasarkan jumlah yang diperuntukkan kerajaan, tetapi berdasarkan perubahan yang dibawa kepada kehidupan rakyat.

LINDUNGI KUASA BELI ISI RUMAH

Kos sara hidup perlu kekal sebagai keutamaan segera. Makanan, perumahan, penjagaan kesihatan, pendidikan, penjagaan anak dan pengangkutan terus menggunakan sebahagian besar pendapatan isi rumah.

Bantuan bersasar menerusi Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dan program lain kekal penting, khususnya kepada isi rumah yang terdedah kepada tekanan ekonomi. Bagaimanapun, Malaysia tidak boleh bergantung kepada bantuan tunai selama-lamanya bagi mengimbangi pertumbuhan pendapatan yang lemah.

Penyelesaian yang lebih mampan adalah meningkatkan produktiviti dan gaji sebenar, selain menangani faktor struktur yang menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan isi rumah. Ini memerlukan rantaian bekalan makanan yang lebih kukuh, pengangkutan awam yang boleh dipercayai, penjagaan kesihatan dan penjagaan anak yang mampu milik, serta perumahan yang terletak berhampiran pusat pekerjaan.

Golongan berpendapatan sederhana juga memerlukan perhatian yang lebih besar. Ramai dalam kumpulan ini memperoleh pendapatan terlalu tinggi untuk layak menerima bantuan yang besar, namun masih berdepan kos perumahan, pendidikan, penjagaan kesihatan dan penjagaan keluarga yang tinggi.

Kerajaan wajar mengkaji sama ada pelepasan cukai pendapatan individu ketika ini benar-benar mengambil kira tekanan tersebut, serta mempertimbangkan keadaan isi rumah seperti saiz keluarga, lokasi tempat tinggal dan tanggungjawab menjaga anggota keluarga.

JADIKAN GAJI LEBIH BAIK SEBAGAI UKURAN KEJAYAAN EKONOMI

Malaysia perlu beralih secara berperingkat daripada bergantung kepada kenaikan gaji minimum berkanun sebagai instrumen utama untuk meningkatkan pendapatan. Matlamat yang lebih besar adalah mewujudkan pekerjaan yang menawarkan pertumbuhan gaji yang bermakna, pembangunan kerjaya dan jaminan ekonomi.

Insentif perniagaan dan pelaburan perlu lebih berkait rapat dengan peningkatan produktiviti, latihan pekerja, peningkatan gaji dan pewujudan pekerjaan berkemahiran tinggi untuk rakyat Malaysia.

Begitu juga, pelaburan tidak seharusnya dinilai hanya berdasarkan nilai projek yang diluluskan. Malaysia perlu melihat sama ada projek berkenaan benar-benar dilaksanakan, memindahkan pengetahuan dan teknologi kepada firma tempatan serta mewujudkan pekerjaan bergaji tinggi.

"KERAJAAN WAJAR MENGKAJI SAMA ADA PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU KETIKA INI BENAR-BENAR MENGAMBIL KIRA TEKANAN TERSEBUT, SERTA MEMPERTIMBANGKAN KEADAAN ISI RUMAH."

Prinsip yang sama perlu diterapkan dalam bantuan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Sokongan untuk pendigitalan, kecerdasan buatan (AI), automasi, pembiayaan dan pembangunan eksport perlu membantu firma meningkatkan produktiviti, memasuki pasaran baharu dan mewujudkan pekerjaan yang lebih baik, bukannya sekadar membolehkan mereka bertahan.

HUBUNGKAN PENDIDIKAN DENGAN PELUANG EKONOMI

Belanjawan 2027 tepat dalam memberi penekanan kepada Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), kecerdasan buatan (AI) serta kerjasama antara institusi pendidikan dan industri.

Bagaimanapun, kejayaan tidak boleh diukur hanya berdasarkan jumlah enrolmen, tempat latihan atau bilangan graduan yang dihasilkan.

Perhatian lebih besar perlu diberikan kepada gaji graduan, guna tenaga tidak penuh, kesepadanan kemahiran dan perkembangan kerjaya. Universiti juga perlu menerima pembiayaan yang lebih kompetitif untuk penyelidikan yang menangani cabaran ekonomi, teknologi dan sosial Malaysia.

Hubungan yang lebih kukuh antara pendidikan, penyelidikan dan pekerjaan dapat membantu mengekalkan bakat Malaysia. Golongan berkemahiran tinggi lebih berkemungkinan kekal di negara ini apabila mereka melihat peluang yang bermakna untuk pembangunan profesional, inovasi dan kemajuan kerjaya.

BERSEDIA MENGHADAPI TEKANAN PERUMAHAN DAN PENUAAN PENDUDUK

Dasar perumahan tidak seharusnya hanya memberi tumpuan kepada pembinaan lebih banyak rumah, tetapi memastikan rumah berkenaan benar-benar mampu dimiliki berdasarkan pendapatan isi rumah serta terletak berhampiran dengan pusat pekerjaan, pengangkutan awam dan kemudahan asas.

Malaysia juga perlu membuat persediaan yang lebih serius bagi menghadapi peningkatan populasi warga emas. Belanjawan 2027 perlu memperkukuh penjagaan kesihatan pencegahan, simpanan persaraan, perkhidmatan penjagaan warga emas dan sokongan kepada keluarga yang mempunyai tanggungjawab menjaga anggota keluarga.

Peluang juga perlu diwujudkan bagi golongan warga emas yang mahu terus aktif dari segi ekonomi dan sosial.

BINA KEPERCAYAAN MENERUSI REFORMASI YANG TELUS

Konsolidasi fiskal, subsidi yang lebih bersasar dan pengukuhan kutipan hasil adalah penting bagi memastikan kemampanan kewangan Malaysia dalam jangka panjang. Bagaimanapun, reformasi selanjutnya perlu dirancang dan dilaksanakan secara berhati-hati bagi mengelakkan tekanan kos sara hidup bertambah.

Sekiranya cukai penggunaan yang lebih meluas dipertimbangkan, barangan keperluan mesti terus dilindungi, manakala isi rumah rentan dan golongan berpendapatan rendah hingga sederhana perlu diberikan pampasan yang mencukupi.

Rakyat juga perlu dapat melihat ke mana penjimatan daripada reformasi yang sukar itu disalurkan. Kerajaan wajar menerbitkan petunjuk yang jelas bagi menunjukkan sama ada perbelanjaan yang dibuat telah mengurangkan tempoh menunggu di hospital, menambah baik kemudahan sekolah, meningkatkan pendapatan isi rumah, memperkukuh peluang pekerjaan graduan atau menjadikan pengangkutan awam lebih boleh dipercayai.

Pada akhirnya, Belanjawan 2027 bukan sekadar perlu lebih besar, tetapi perlu lebih bersasar, telus dan bertanggungjawab. Reformasi ekonomi hanya akan mampan apabila rakyat dapat merasai manfaatnya menerusi kuasa beli yang lebih kukuh, gaji yang lebih baik, pekerjaan berkualiti dan perkhidmatan awam yang lebih baik.

PENULIS adalah Pensyarah Kanan di School of Accounting & Finance, Fakulti Perniagaan dan Undang-Undang, Taylor's University.

